

Ruj.kami : UTM.J.53.02.02/13.12/1/13/1 ( 59 )  
Tarikh : 7 Oktober 2020

**Pengerusi**

Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)  
Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)  
Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)  
Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBSK)  
Sekolah Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga (SKT)  
Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi (SHRDP)  
Sekolah Pendidikan (SOE)  
Sekolah Komputeran (SC)

**UTM Johor Bahru**

**Timbalan Pendaftar**

Fakulti Kejuruteraan  
Fakulti Sains  
Fakulti Alam Bina dan Ukur  
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim

**UTM Johor Bahru**

Y.Bhg. Prof. / Prof. Madya. / Dr. / Encik/ Puan / Saudara,

**SYARAT SEMENTARA BAGI PENGECCUALIAN KURSUS UHLB1112 ENGLISH COMMUNICATION SKILLS**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah berkaitan.

2. Panduan Kemasukan Pelajar tempatan akibat penangguhan/pembatalan peperiksaan sekolah menengah luar negara dan ujian kompetensi Bahasa Inggeris tempatan/antarabangsa disebabkan penularan COVID-19 edaran Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) adalah dirujuk.
3. Kita sedia maklum bagi pelajar tempatan yang mendapat MUET Band 4 ke atas dikecualikan daripada mengambil kursus UHLB 1112 English Communication Skills. Disebabkan pandemik COVID-19, MUET tidak dapat dilaksanakan, maka ada pelajar-pelajar baru pengambilan Semester 1 sesi 2020/2021 tidak mempunyai keputusan MUET. Oleh yang demikian, ingin kami maklumkan syarat pengecualian sementara kursus UHLB 1112 English Communication Skills bagi pelajar-pelajar baru adalah seperti berikut:

..2/-

- i. Bahasa Inggeris SPM B+ ke atas, atau
- ii. English Language 1119 C ke atas

4. Walaubagaimanapun, pelajar-pelajar ini masih tertakluk kepada syarat kemasukan universiti di mana mereka perlu mengambil MUET dalam jangkamasa yang ditetapkan. Sekiranya pelajar-pelajar yang tidak mengambil UHLB 1112 dengan menggunakan syarat sementara, keputusan MUET mereka adalah Band 1 – Band 3, maka pelajar-pelajar ini dikehendaki mengambil UHLB 1112 pada semester 2 sesi 2020/2021.

5. Bagi pelajar-pelajar yang mempunyai IELTS 5.5/TOEFL 525/TOEFL IBT 60/CEFR B2, mereka layak mendapat pengecualian UHLB 1112. Syarat ini masih terpakai.

Keperihatinan dan kerjasama pihak saudara mengenai perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. MADYA DR HANITA BINTI HASSAN)**

Pengerusi Akademi Bahasa  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
UTM Johor Bahru

☎ +6019-7749070 ✉ [m-hanita@utm.my](mailto:m-hanita@utm.my)

s.k - Puan Norlita binti Stam  
Penolong Pendaftar (UG)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
UTM Johor Bahru